

Soalan popular mengikut topik

Bab 1: pengenalan kepada Ekonomi

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Definisi				√					**
Masalah ekonomi	√	√	√			√		√	**
Masalah asas ekonomi				√					**
Jenis barang	√		√	√	√		√	√	
Sistem ekonomi	SEK, SEPP	Islam	SEK, SEPP	SEK, SEI	SEI		SEC	SEI	SEC,SEK

1. Berikan **maksud ekonomi** (3)

Ekonomi ialah satu bidang sains sosial yang mengkaji bagaimana manusia menggunakan **sumber ekonomi terhad** untuk memenuhi **kehendak yang tidak terhad**.

Encik John ialah **pemilik** pasar mini Maju. Beliau mempunyai dua orang **pekerja**. Baru-baru ini beliau mendapat **pinjaman** sebanyak RM50 000 daripada BSN untuk memperbesarkan perniagaannya

2. Terangkan **sumber ekonomi** dalam situasi di atas(8)

Buruh-dua orang pekerja. Orang yang menyumbangkan tenaga mental dan fizikal. Pemiliknya mendapat upah Modal-Pinjaman RM50 000. Wang yang digunakan dalam proses pengeluaran. Pemiliknya mendapat faedah Usahawan-Encik John. Orang yang menggabungkan faktor pengeluaran dan menerima untung.

Encik Saiful bekerja di **Kilang Kasut Nakki**. Encik Saiful memiliki sebuah rumah teres di Seremban dan membayar cukai pintu sebanyak RM400 setahun kepada **Majlis Perbandaran seremban**

3. a. i. Nyatakan **tiga unit ekonomi** yang terdapat dalam situasi di atas. (3m)

Encik Saiful ialah **isirumah**

Kilang Kasut Nakki ialah **firma**

Majlis Perbandaran seremban ialah **kerajaan**

ii. Terangkan **masalah kekurangan** yang dihadapi oleh tiga unit ekonomi tersebut. (3m)

kekurangan Encik Saiful ialah **pendapatan terhad**

kekurangan Kilang kasut Nakki ialah **sumber ekonomi terhad**. kekurangan Majlis perbandaran seremban ialah **sumber hasil terhad**

Syarikat Melor bercadang untuk menawarkan **beras** bermutu tinggi dengan menggunakan **teknik pengeluaran moden**

4. Nyatakan dan terangkan **masalah asas ekonomi** yang belum diselesaikan oleh syarikat tersebut (6)

Berapa hendak dikeluarkan?

Kuantiti beras yang hendak dikeluarkan bergantung kepada permintaan masyarakat.

Untuk siapa dikeluarkan?

Pengguna yang akan membeli beras iaitu golongan kaya atau golongan miskin yang ditentukan melalui kuasa beli.

Nyatakan dan terangkan masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh syarikat tersebut (4m)

Apa yg hendak dikeluarkan – beras

Bagaimana hendak dikeluarkan- teknik pengeluaran moden

Negara A

sumber ekonomi dimiliki oleh **individu dan swasta**

Negara B

Sumber ekonomi dimiliki oleh **sektor swasta dan kerajaan**

5.a. i. Apakah **sistem ekonomi** yang diamalkan oleh negara A dan negara B? (2m)

A mengamalkan sistem ekonomi kapitalis dan negara B mengamalkan sistem ekonomi campuran

ii. Terangkan cara penyelesaian masalah asas ekonomi berikut oleh negara A dan negara B

a. Apa yang hendak dikeluarkan (3m)

Negara A, pihak swasta keluarkan barang mengikut permintaan masyarakat

Negara B pihak swasta keluarkan barang ikut permintaan masyarakat. Kerajaan pula menyediakan barang awam,

b. Berapa yang hendak dikeluarkan (3m)

Negara A, pihak swasta kuantiti barang mengikut permintaan masyarakat

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

Negara B, pihak swasta mengeluarkan kuantiti barang mengikut permintaan masyarakat. Kerajaan mempengaruhinya dengan mengenakan cukai atau memberi subsidi

c. Bagaimana hendak dikeluarkan (3m)

Negara A, pihak swasta akan memilih cara pengeluaran yang membawa untung maksimum.

Negara B pula pihak swasta akan memilih cara pengeluaran yang membawa untung maksimum. Kerajaan akan memilih teknik pengeluaran yang membawa kebajikan maksimum kepada rakyat.

7. Terangkan peranan kerajaan dalam sistem ekonomi yang diamalkan oleh Malaysia. (6 m)

Barang awam spt lampu jalan, cukai (rokok) /subsidi (beras), cukai pendapatan(jurang perbezaan pendapatan, kawal harga(beras), undang-undang (akta buruh)

Bab 2:Pendapatan dan penggunaan pendapatan individu

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Pekerjaan		√		√		√			**
Jenis Pendapatan					√	√			**
Sumber pendapatan	√								**
Pendapatan bolehguna			√	√			√		**
Keperluan dan kehendak								√	
Perbelanjaan penggunaan									
Belanjawan peribadi	√		√				√	√	
Tabungan, pinjaman dan pelaburan	Pel		Tab	Pel	Pinj				Pelaburan

1. Perbandingan kerjaya

(upah wang, faedah sampingan, jarak, suasana, kelayakan, pengaruh, keadaan ekonomi, prospek)

- Bezakan kerjaya
- Kenapa pilih kerjaya A dan tidak memilih kerjaya B
- Kenapa pilih kerjaya A
- Contoh faedah sampingan

a. Bezakan kerjaya pengurus kilang dengan pegawai polis. (4)

Pengurus kilang	Pegawai bank
Sektor kedua	Sektor ketiga
Suasana kerja berisiko rendah	Suasana kerja berisiko tinggi

b. Berikan lima contoh faedah sampingan (5)

Bonus, cuti, rawatan perubatan, tempat tinggal, elaun

Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat ABC yang mengeluarkan 25 000 buah buku Ekonomi Asas.

Kos tetap: RM50 000

Kos berubah: RM45000

2. a. Jika harga sebuah buku ialah RM4, hitungkan keuntungan atau kerugian syarikat tersebut. (3)

Untung = Jumlah hasil – jumlah kos
25 000 (RM4) – RM95000 = RM5000

b. Mengapakah usahawan mendapat keuntungan? (4)

menanggung risiko, urus jaya, idea, gabungkan faktor

Pendapatan bulanan RM3 000
Caruman KWSP RM330
Caruman PERKESO RM15
Cukai pendapatan RM100
Perbelanjaan penggunaan RM 1 800

3. Jadual di atas menunjukkan maklumat tentang penyata pendapatan dan perbelanjaan seseorang individu.

a. Berdasarkan jadual tersebut kirakan

i. pendapatan boleh guna (3)

RM3000 - (330 + 15 + 100) = RM2555

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

ii. tabungan

RM2555-1800 = RM755

b. Bagaimanakah individu membelanjakan pendapatan boleh gunanya? (9)

Individu membelanjakan PBG untuk perbelanjaan penggunaan dan tabungan. Perbelanjaan penggunaan terdiri dpd membeli barang tahan lama seperti perabot, barang tidak tahan lama seperti makanan dan perkhidmatan seperti perubatan. Tabungan ialah baki pendapatan boleh guna yang tidak dibelanjakan dan disimpan dibank untuk tujuan kecemasan.

c. Bandingkan upah dengan sewa. (6)

Persamaannya: kedua-dua merupakan pendapatan faktor

Upah	Sewa
Diterima oleh buruh	Diterima oleh pemilik tanah
Diterima kerana menyumbangkan tenaga mental dan fizikal	Diterima kerana memberi hak penggunaan kepada orang lain

4. Bezakan pendapatan faktor dengan pendapatan bukan faktor (4)

Pendapatan faktor	Pendapatan bukan faktor
Diterima kerana memberi sumbangan dalam aktiviti Pengeluaran	Diterima walaupun tidak memberi sumbangan dalam aktiviti pengeluaran
Contohnya upah	Contohnya pencen

5. Encik Azman telah mengusahakan tanahnya dengan menanam pokok pisang. Encik Azman juga memberikan kebenaran kepada Encik Saiful untuk mengusahakan sebahagian tanahnya. Encik Saiful membuka sebuah ladang koko. Encik Azman juga bekerja sebagai pemetik buah koko di ladang Encik Saiful.

Jelaskan jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Azman (6)

Mesti kaitkan dengan kes

Menerima untung kerana mengusahakan tanah.

Menerima sewa kerana memberi hak penggunaan tanah kepada orang lain

Menerima upah kerana bekerja sebagai pemetik buah koko

6. Nyatakan lima kesan yang mungkin berlaku jika individu gagal merancang perbelanjaannya.

(Nyatakan kesan yang mungkin berlaku jika individu merancang perbelanjaannya)

- tabungan berkurang
- pinjaman meningkat
- perkara penting ditangguhkan
- berlaku pembaziran
- menyebabkan inflasi

Kesan dan kepentingan sama

7. Bezakan pelaburan dan tabungan (6)

(Bezakan pulangan tabungan dengan pulangan pelaburan)

Tabungan	Pelaburan
Baki pendapatan boleh guna yang tidak dibelanjakan.	Aktiviti menambah stok modal
Contohnya simpan di bank	Contohnya membeli aset tetap spt rumah
Mendapat pulangan berbentuk faedah	Mendapat pulangan berbentuk untung

Pasar Raya KTK telah membeli sebuah bangunan baru tiga tingkat di kajang. Pasar raya ini juga telah membeli barang niaga bernilai RM300 000. Baru-baru ini lima puluh pekerja telah ditaja oleh pasar raya KTK untuk kursus komputer.

8. Berdasarkan maklumat di atas, terangkan bentuk-bentuk pelaburan yang telah dilakukan oleh pasar raya tersebut (6m)

Membeli aset tetap- beli bangunan baru tiga tingkat.

Membeli stok- beli barang berniaga bernilai RM300 000

Melabur dalam sumber manusia- menghantar pekerja untuk kursus komputer

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

Gaji bulanan Encik Ahmad ialah RM2 000. Beliau juga menerima sewa bulanan sebanyak RM1 000 daripada rumah kedai yang dimilikinya. Beliau mencarum 11% kepada KWSP setiap bulan dan caruman PERKESO ialah 0.5%. Encik Ahmad juga membayar zakat sebanyak RM30 dan cukai pendapatan sebanyak RM100 setiap bulan. Encik Ahmad menabung sebanyak RM500 setiap bulan di BSN.

9. a. Kirakan caruman bulanan Encik Ahmad kepada KWSP dan PERKESO (3m)
b.. Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Ahmad (3m)

Caruman KWSP : $RM2000 \times 11\% = RM220$

Caruman PERKESO : $RM2000 \times 0.5\% = RM10$

Pendapatan boleh guna: Pendapatan bulanan – potongan wajib
 $RM2000 - (220 + 10 + 30 + 100)$
 : RM2640

Utk kira KWSP dan PERKESO
ambil pendapatan bekerja sahaja

10. Encik Azman telah menerima ganjaran sebanyak RM150000 apabila bersara sebagai pengetua sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Cadangan tiga cara wang ganjaran itu boleh digunakan oleh Encik Azman untuk menambahkan pendapatannya (9m)

Memulakan perniagaan spt kedai buku dapat untung

Membeli asset tetap seperti rumah dapat sewa

Menyimpan dibank seperti dalam akaun simpanan tetap dapat faedah)

Jgn jawab bentuk pelaburan

11. Selain bekerja sendiri, terangkan sumber pendapatan individu yang lain (5)

Bekerja dengan orang lain seperti guru dapat gaji

Sumber pendapatan lain seperti pesara dapat pencen dan pemilik tanah dapat sewa

Jenis- SUFUD BP
Sumber/ cara- kerja sendiri, kerja dgn org lain, sumber pendapatan lain

Bab 3: isirumah sebagai pengguna

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Definisi dan peranan Isi rumah	√				√	√			**
Hukum permintaan		√							**
Penentu permintaan		√	√		√	√	√	√	
Keanjalan permintaan			√	√			√	√	**

1. Andaikan kerajaan telah menurunkan kadar caruman pekerja kepada KWSP.
Apakah kesan tindakan kerajaan tersebut ke atas permintaan barang berikut?

i. gula

ii. perabot import (4)

Pendapatan boleh guna individu akan meningkat. Ini menyebabkan permintaan gula tidak berubah kerana ia merupakan barang mesti, Permintaan ubi kayu pula menurun kerana ia merupakan barang bawahan.

Mesti kaitkan dengan pendapatan boleh guna
Potongan turun, PBG naik

Jenis barang	Peratus perubahan harga (%)	Peratus perubahan Kuantiti diminta (%)
Televisyen	20	40
Garam	50	5

2 Jadual di atas menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti diminta untuk televisyen dan garam.

a. Hitungkan dan tafsirkan nilai keanjalan harga permintaan untuk dua barang tersebut (6 m)


b. Mengapakah keanjalan harga permintaan barang tersebut sedemikian? (5m)

c. Nyatakan strategi penjual untuk memaksimumkan hasil jualan bagi kedua-dua barang tersebut (2m)

a. Nilai keanjalan televisyen ialah 2. Ini bererti permintaan televisyen ialah anjal kerana perubahan harga sebanyak 1% akan menyebabkan perubahan kuantiti diminta sebanyak 2%.

b. Nilai keanjalan garam ialah 0.1. Ini bererti permintaan garam ialah tidak anjal kerana perubahan harga sebanyak 1% akan menyebabkan perubahan kuantiti diminta sebanyak 0.1%.

c. Penjual mesti menurunkan harga televisyen dan menaikkan harga garam



Keluk permintaan Barang M

Satu keluk (disebabkan oleh perubahan harga barang itu)

Dua keluk (disebabkan oleh perubahan faktor lain)

Apa?
Mengapa?
Di mana?
Andaian?

3. Terangkan/ Jelaskan pergerakan titik V ke W (4m)

Kuantiti diminta barang M telah menurun
Disebabkan oleh kenaikan harga barang M.
Ini berlaku di atas keluk permintaan yang sama
Diandaikan faktor lain tidak berubah/ ceteris paribus.

4. Bezakan barang pengganti dan barang penggenap (6m)


Maksud, hubungan, contoh

Barang pengganti	Barang penggenap
Dua barang yang mempunyai fungsi penggunaan yang sama	Dua barang yang digunakan bersama
Mempunyai hubungan positif antara harga satu barang dengan kuantiti diminta barang lain	Mempunyai hubungan negatif antara harga satu barang dengan kuantiti diminta barang lain
Contohnya teh dan kopi	Contohnya petrol dengan kereta

5. Terangkan kesan terhadap permintaan kereta PROTON mengikut teori ekonomi apabila

- Harga minyak petrol meningkat (2m)
- Harga kereta Toyota menurun (2m)
- Pendapatan pengguna meningkat (2m)

Permintaan proton menurun kerana barang penggenap
Permintaan proton menurun kerana barang pengganti
Permintaan proton meningkat kerana barang kehendak



6. Jelaskan hubungan antara barang X dengan barang Y (3)

Barang X dan Y ialah pengganti

Contohnya teh dan kopi

Wujud hubungan langsung antara harga barang X dengan kuantiti barang Y

Jenis barang	Nilai keanjalan harga permintaan
A	1.5
B	0.3

9. a. Tafsirkan nilai keanjalan setiap barang di atas. (4)

Barang A permintaannya anjal. Perubahan harga 1% menyebabkan perubahan kuantiti sebanyak 1.5%

Barang B permintaannya tidak anjal. Perubahan harga 1% menyebabkan perubahan kuantiti sebanyak 0.3%

b. Terangkan tindakan penjual untuk memaksimumkan keuntungan bagi setiap barang tersebut. (4m)

Barang A - turunkan harga dan hasil jualan meningkat
Barang B - naikkan harga dan jualan meningkat

Tindakan penjual
(tak anjal) Naik harga, (anjali) turun harga, (anjali) kekal harga

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

Bab 4: Firma sebagai pengeluar

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Definisi dan peranan firma							√		**
Pengeluaran		√		√	√			√	**
Kos		√	√			√	√		
Hukum penawaran								√	
Penentu penawaran	√					√			**
Keanjalan penawaran	√	√			√				

1. Berikan maksud pengeluaran (3)

Pengeluaran ialah aktiviti menggabungkan input untuk menghasilkan output. Pengeluaran bertujuan memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

Syarikat Putra mengeluarkan basikal berjenama Putra. Encik Rizal bekerja sebagai kerani di syarikat Putra dan menerima upah sebanyak RM1 500 sebulan. Dia membeli dua buah basikal keluaran syarikatnya dengan harga sebanyak RM500.

2. a. Kenalpasti unit ekonomi dalam situasi di atas (2)

b. Bezakan dua unit ekonomi tersebut (4m)

Syarikat Putra- Firma
Encik Rizal – isirumah

Syarikat Putra	Encik Rizal
Merupakan pengguna faktor	Merupakan pembekal faktor
Bermotif keuntungan maksimum	Bermotif kepuasan maksimum

Input tetap	Input berubah	Jumlah keluaran	Keluaran purata	Keluaran sut
1	0	0	-	-
1	1	10	10	10
1	2	21	10.5	11
1	3	A (11x3)	11	12
1	4	46	11.5	13
1	5	56	11.2	B(56-46)
1	6	64	10.6	8
1	7	C (64 + 4)	D (68/7)	4
1	8	68	8.5	E (68-68)
1	9	F (68-2) @ (9x7.3)	7.3	-2

3. Jadual di atas menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

i. Tentukan nilai a,b,c,d, e dan f (6m)

ii. Terangkan hubungan antara input berubah dengan keluaran purata (3)

a = 33, b = 10, c = 68, d = 9.71, e = 0, f = 66

Antara input berubah 1 hingga 3, keluaran purata semakin meningkat.
Keluaran purata mencapai nilai maksimum pada input berubah yang ke 4
Antara input berubah 5 hingga 9, keluaran purata menurun

Hubungan jumlah keluaran dgn output
(Naik, maksimum, turun)

Hubungan keluaran purata dgn output
(Naik, maksimum, turun)

Hubungan keluaran sut dgn output
(naik, maksimum, turun, sifar, negatif)


Syarikat Zico Sdn Bhd
 Kos tetap – RM40 000
 Kos berubah – RM20 000
 Keluaran – 80 000 unit
 Harga seunit – RM0.65/unit

4. Berdasarkan maklumat di atas,

i. Hitungkan kos purata dan jumlah keuntungan atau kerugian syarikat Zico Sdn. Bhd (4m)

Kos purata: $\text{RM}60\,000/80\,000$ unit : $\text{RM}0.75$

Keuntungan: $80\,000(\text{RM}0.65) - 80\,000(0.75)$
 : - $\text{RM}8000$ (kerugian)



5. Berdasarkan rajah di atas, **jelaskan pergerakan titik w ke x (4m)**

Kuantiti ditawarkan barang telah menurun dari **40 ke 10**

Disebabkan oleh penurunan harga barang itu dari **RM5 ke RM4**


Ini berlaku di atas keluk penawaran yang sama

Diandaikan faktor lain tidak berubah/ ceteris paribus

6. Lukiskan dan bezakan keluk permintaan dan keluk penawaran (8m)

i		
ii	Mencerun kebawah dari kiri ke kanan	Mencerun ke atas dari kiri ke kanan
iii	Menunjukkan hubungan songsang antara harga dengan kuantiti diminta	Menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti ditawarkan
iv	Mempunyai kecerunan negatif	Mempunyai kecerunan positif

7. Rajah menunjukkan peralihan keluk penawaran untuk kasut jenama Adikdas.



Terangkan empat faktor yang menyebabkan peralihan keluk tersebut (8m)

Tingkat teknologi- teknologi canggih

Matlamat pengeluaran- firma kasut ingin mencapai jualan maksimum

Harga input- harga getah menurun

Dasar kerajaan- kerajaan mengurangkan cukai untuk kasut


Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan kg	Kuantiti ditawarkan selepas penurunan sewa ladang (kg)
2	5	P
4	10	Q
6	15	R
8	20	S

8. Jadual di atas menunjukkan kuantiti ditawarkan ayam pada pelbagai tingkat harga. Andaikan sewa ladang telah menurun. Ini menyebabkan penawaran ayam naik sebanyak 10 kg pada setiap tingkat harga.

a. Tentukan nilai P, Q, R dan S

(3)

b. Lukiskan keluk penawaran asal dan keluk penawaran baru dalam rajah yang sama. (4)




c. Jelaskan tiga faktor lain yang mungkin menyebabkan peningkatan penawaran ayam. (3)

- Dasar kerajaan memberi subsidi
- Tingkat teknologi- penternak guna teknologi tinggi
- Matlamat pengeluaran ingin mencapai jualan maksimum

9. Bezakan penawaran anjal dengan penawaran tidak anjal (6)

Penawaran anjal	Penawaran tidak anjal
$E_s > 1$	$E_s < 1$
Peratus perubahan kuantiti > daripada peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti < daripada peratus perubahan harga
Keluk penawaran lebih landai	Keluk penawaran lebih curam



10. Berdasarkan rajah di atas jawab soalan berikut

a. Hitungkan dan tafsirkan keanjalan harga penawaran untuk Barang A

$$Es = 0.4$$

Perubahan harga sebanyak 1% menyebabkan perubahan kuantiti sebanyak 0.4%

Tafsiran mesti dalam bentuk perbandingan peratus

Barang B

$$Es = 2.0$$

b. Barang yang manakah mungkin sekali barang pertanian? Berikan alasan anda.

Barang A sebab penawarannya tidak anjal. Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti

Jenis barang	perubahan kuantiti ditawarkan (%)	Perubahan harga (%)
Kelapa sawit	10	20
Komputer	45	15

8. a. Hitungkan nilai keanjalan barang di atas.

b. Mengapakah keanjalan penawaran kelapa sawit sedemikian? (6 m)

a. Kelapa sawit : $10/20 = 0.5$ (1m) Komputer : $45/15 = 3$ (1m)

Barang kilang - penawaran anjal
Barang pertanian - penawaran tidak anjal
(cuaca, teknologi, tahan lama, masa)


b. Penawaran kelapa sawit tidak anjal kerana ia merupakan barang pertanian. Oleh itu faktor cuaca mempengaruhi pengeluaran barang ini. (2m) Penawaran kelapa sawit juga dipengaruhi oleh faktor masa dimana firma mengambil masa lama untuk mengubah penawaran. (2m).

Bab 5: Pasaran

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Definisi pasaran									
Pasaran barang	√	√		√	√	√	√	√	**
Pasaran faktor				√					**
Aliran pusingan			√		√			√	**

1. Berikan maksud pasaran (3)

Pasaran adalah satu keadaan dimana penjual dan pembeli bertemu secara langsung atau tidak langsung untuk menjalankan urusan jual-beli barang.



Keadaan/ kedudukan pasaran mesti kaitkan dgn

- Permintaan brp
- Penawaran brp
- Lebihan (pm @pn) brp/ keseimbangan
- Harga naik/turun/ tidak berubah

3. Rajah di atas menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran buruh.

Terangkan **kedudukan/ keadaan** pasaran pada

- titik T (3m)
- titik K (3m)
- titik L (3m)

Pada titik T berlaku lebihan penawaran buruh sebanyak 800 orang dan kadar upah akan menurun

Pada titik L berlaku keseimbangan pasaran buruh iaitu permintaan sama dengan penawaran buruh seramai 400 orang dan kadar upah tidak cenderung berubah.

Pada titik K berlaku lebihan permintaan buruh sebanyak 400 orang dan kadar upah akan meningkat.

4. Bagaimanakah kadar faedah ditentukan dalam pasaran? (6)

- Kadar faedah ditentukan oleh permintaan dan penawaran modal.
- Firma membuat permintaan terhadap modal melalui pinjaman dpd institusi kewangan (seperti bank). Firma dikenakan faedah yang merupakan kos kepada permintaan modal. Semakin tinggi kadar faedah, semakin rendah permintaan modal dan sebaliknya.
- Wujud hubungan songsang antara permintaan modal dengan kadar faedah. Modal ditawarkan oleh isirumah melalui simpanan dibank. Isirumah menerima faedah sebagai ganjaran untuk menawarkan modal. Semakin tinggi kadar faedah, semakin tinggi penawaran modal dan sebaliknya.
- Wujud hubungan langsung antara penawaran modal dengan kadar faedah.
- Jika permintaan melebihi penawaran modal kadar faedah akan meningkat
- Jika penawaran melebihi permintaan modal, kadar faedah akan menurun

5. Jelaskan peranan isirumah dan firma dalam pasaran barang (4)

Peranan isirumah- pengguna barang- kepuasan maksimum

Peranan firma- pembekal barang- keuntungan maksimum

6. Jelaskan peranan isirumah dan firma dalam pasaran faktor. (4)

Peranan isirumah- pembekal faktor – terima ganjaran

Peranan firma- pengguna faktor- hasilkan barang dan perkhidmatan


Kerajaan telah melancarkan kempen galakan tabungan untuk pelajar

7. Jelaskan kesan kempen tersebut ke atas pasaran modal (4m)

- Permintaan modal tetap
- penawaran modal meingkat
- lebih penawaran modal
- kadar faedah menurun.


Kesan kpd pasaran mesti ada

- Permintaan (naik/turun/tetap)
- Penawaran (naik/turun/tetap)
- Lebihan pm @ pn
- Harga naik @ turun



8. Rajah di sebelah menunjukkan keluk permintaan barang X untuk individu A dan Individu B pada pelbagai tingkat harga.

Lukiskan dan terangkan **pembentukan** keluk permintaan pasaran




- Pada harga RM1, permintaan pasaran ialah 60 kg yang ditunjukkan oleh titik W
- Pada harga RM2, permintaan pasaran ialah 40 kg yang ditunjukkan oleh titik X
- Pada harga RM3, permintaan pasaran ialah 20 kg yang ditunjukkan oleh titik Y
- Keluk permintaan pasaran dibentuk dengan menyambungkan titik W, X dan Y.
- Keluk permintaan pasaran mencerun ke bawah dari kiri ke kanan dan menunjukkan hubungan songsang antara harga dan kuantiti.

9. Jelaskan kesan setiap tindakan berikut ke atas pasaran buruh di Malaysia.

Situasi	Permintaan pasaran	Penawaran pasaran	Keadaan pasaran	Kadar upah
Pihak imigresan mengarahkan semua majikan menghantar pulang semua buruh asing dalam sektor pembinaan	Tetap	Turun	Lebihan pm	Naik
Kerajaan meningkatkan insentif kepada firma elektronik yang menggunakan kaedah intensif modal dalam pengeluaran	Turun	Tetap	Lebihan pn	Turun

10. Kenalpasti aliran berikut, sama ada aliran wang atau fizikal

- a. Tanah untuk disewa
 - b. kereta dipamerkan di kedai
 - c. Puan Maimunah beli kereta berharga RM75 000
 - d. Syarikat Mutiara mengambil 30 pekerja baru
 - e. Encik Wong menerima dividen daripada syarikat Mutiara
- aliran fizikal
 aliran fizikal
 aliran wang
 aliran fizikal
 aliran wang



11. Berdasarkan rajah di atas, kenalpasti

- a. Uniti ekonomi Y - isirumah
- b. Pasaran X – pasaran faktor
- c. Aliran 1 – barang dan perkhidmatan
- d. Aliran 2 - perbelanjaan
- e. Aliran 3- faktor pengeluaran
- f. Aliran 4- ganjaran faktor

Tingkatan Lima

Bab 1: Wang, bank dan institusi kewangan bukan bank

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Wang	√		√	√					**
Bank pusat	√	√		√		√	√		**
Bank perdagangan		√			√		√	√	**
Bank Islam									**
IKBB		√		√		√	√		**



1. Nyatakan lima ciri wang di atas (5m)


- Penawaran terhad
- mudah dibahagikan
- nilai stabil
- mudah dibawa
- tahan lama

 Gambar 1	 Gambar 2
--	---

2. Bandingkan dua jenis wang di atas (4m)

Persamaannya- kedua-duanya merupakan alat pertukaran

Gambar 1	Gambar 2
Wang sah	Bukan wang sah
Diterima umum	Tidak diterima umum
Dikeluarkan oleh BNM	Disediakan oleh bank perdagangan



3. Mengapakah berlaku perubahan evolusi wang seperti di atas? (6)

Garam	Wang kertas
Tidak tahan lama	Tahan lama
Sukar dibawa	Mudah dibawa
Nilai tidak stabil	Nilai stabil

Televisyen Songsong
Harga tunai : RM2 000
Bulanan : RM160

Soalan kesan mesti disebut naik/
turun/ tidak berubah

4.Terangkan fungsi wang dalam iklan di atas. (4m)

Alat ukuran nilai- harganya RM2000

Alat bayaran tertunda- bulanan RM160

5.Nyatakan tiga kesan kenaikan kadar faedah (3m)

Pinjaman masyarakat menurun .Penawaran wang berkurang . Permintaan berkurang

6.Nyatakan tiga kesan penurunan kadar rizab berkanun (3m)

Pinjaman masyarakat naik .Penawaran wang naik .Permintaan naik

7.Bandingkan akaun semasa dengan akaun simpanan tetap (6)

Persamaannya – kedua-duanya disediakan oleh bank perdagangan
Perbezannya

Akaun semasa	Akaun simpanan tetap
Tiada faedah dibayar	Ada dibayar faedah
Simpan keluar bila- bila masa	Simpan untuk tempoh tertentu
Diberi penyata bank	Diberi sijil simpanan

Untuk mengurangkan penggunaan wang tunai, pihak pengurusan syarikat Jaya telah bercadang untuk menggunakan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

8.Terangkan mana-mana tiga kemudahan pembayaran tersebut. (6m)

Cek-Syarikat Jaya boleh membuat dan menerima bayaran.

Perintah sedia ada-Arahan kepada bank oleh pelanggan meminta bank buat bayaran tetap secara berulang.Contohnya bayar sewa/ ansuran pinjaman kereta

Debit langsung.Arahan kepada bank oleh pelanggan meminta bank buat bayaran dalam apa jua jumlah apabila bil dikemukakan.Contohnya bayar bil elektrik

9.Bank pusat ialah jurubank kepada bank perdagangan. Jelaskan (6m)

Sebagai jurubank kepada bank perdagangan, bank pusat menjalankan tugas berikut.

Menjaga rizab berkanun- rizab berkanun ialah simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat berdasarkan jumlah deposit yang diterimanya.

Sebagai sumber pinjaman terakhir- Bank perdagangan yang menghadapi masalah kekurangan tunai boleh meminjam daripada bank pusat.

Menyediakan akaun penjelasan- tempat dimana pertukaran cek antara bank perdagangan dilakukan.

10.Bank pusat ialah jurubank kepada kerajaan. Jelaskan (10m)

Menguruskan akaun kerajaan iaitu menyimpan deposit hasil kerajaan dan membuat pembayaran bagi pihak kerajaan.

Mengurus hutang negara iaitu bank pusat akan mendapatkan pinjaman dari sumber dalam atau luar negeri untuk membiayai masalah kekurangan hasil kerajaan.

Memberi pendahuluan sementara kepada kerajaan jika hasil kurang daripada perbelanjaan kerajaan.

Mengurus perniagaan pertukaran asing bagi pihak kerajaan

Menjadi penasihat kepada kerajaan dalam pelaburan kerajaan.

Encik Saiful dan Encik Rajan telah membuka sebuah firma guaman dan bercadang untuk membeli sebuah bangunan baru bernilai RM200 000 melalui pembiayaan bank Islam Malaysia Berhad. Mereka juga bercadang untuk membuka akaun semasa di bank tersebut. Encik Rajan juga ingin menyimpan wang tunai sebanyak RM100 000 di bank yang sama untuk mendapat pulangan

11.Nyatakan dan terangkan prinsip perbankan Islam yang akan digunakan oleh bank tersebut untuk perkhidmatan di atas. (9m)

Membeli bangunan. **Bai Bithaman Ajil** bermaksud bayaran secara tertangguh iaitu secara ansuran. Bangunan akan dibeli oleh bank Islam dan dijual semula dengan harga yang lebih tinggi termasuk margin keuntungan. Harga pembelian bangunan itu boleh dibayar secara ansuran.

Akaun semasa- **Wadiah**. Bank bertindak sebagai pemegang amanah dan tiada pulangan dibayar kepada pemegang akaun tetapi mungkin diberi hibah

Akaun pelaburan-**Mudharabah** bermaksud perjanjian perkongsian keuntungan. Bank akan melabur wang Encik Rajan dan keuntungan yang diperoleh akan dikongsi bersama antara bank dan Encik Rajan. Kerugian akan ditanggung oleh Encik Rajan kecuali kerugian akibat kecuai bank.

12. Kenaikan harga minyak amat membebankan rakyat kerana **harga barang dan perkhidmatan terus meningkat.**

Terangkan mana-mana **tiga langkah bank pusat untuk mengatasi masalah tersebut. (12m)**

Menaikkan kadar faedah. Ini menyebabkan pinjaman orang ramai menurun dan penawaran wang dalam ekonomi menurun.

Kuasa beli menurun menyebabkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan menurun

Menaikkan kadar rizab berkanun. Ini menyebabkan pinjaman orang ramai menurun dan penawaran wang dalam ekonomi menurun.

Kuasa beli menurun menyebabkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan menurun

Menaikkan kadar rizab tunai. Ini menyebabkan pinjaman orang ramai menurun dan penawaran wang dalam ekonomi menurun.

Kuasa beli menurun menyebabkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan menurun

(Kesan 3P – pinjaman, penawaran wang, permintaan @ kuasa beli)

13. Jelaskan kesan tindakan bank pusat berikut ke atas ekonomi sesebuah negara

i. menjual surat jaminan kerajaan (3 m)

ii. menurunkan kadar faedah (3 m)

Apabila surat jaminan dijual, jumlah pinjaman masyarakat akan berkurang. Ini menyebabkan kuasa beli masyarakat menurun kerana penawaran wang dalam ekonomi berkurang. Oleh itu permintaan barang dan perkhidmatan menurun.

Apabila kadar faedah diturunkan, penawaran wang dalam ekonomi akan meningkat. Ini menyebabkan kuasa beli masyarakat meningkat dan seterusnya permintaan barang dan perkhidmatan meningkat.

14. Bagaimanakah Institusi kewangan bukan bank **menggalakkan pelaburan dalam negara? (9m)**

Memberikan pinjaman kepada masyarakat. BSN menawarkan pelbagai pinjaman spt pinjaman perumahan. Syarikat insurans juga menyediakan pinjaman untuk sidiinsurans untuk tujuan pelaburan seperti beli harta benda atau perniagaan.

Melaksanakan pelbagai projek pelaburan. BSN melaburkan modal untuk membeli pelbagai aset tetap. LTH melaburkan wang dalam projek yang halal seperti perladangan dan hartanah.

Menyalurkan tabungan untuk pelaburan. Institusi kewangan bukan bank memberi pinjaman kepada sektor kerajaan dan swasta untuk membiayai projek pelaburan. Ia juga membeli sekuriti hutang kerajaan dan sekuriti hutang korporat.



ATAU



15. Jelaskan peranan institusi kewangan bukan bank di atas. (4)

- Menerima deposit
- Menggalakkan tabungan
- Menggalakkan pelaburan
- Membuat pelaburan

Bab 2: Kegiatan Ekonomi Negara

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Struktur ekonomi					√		√		**
Masalah dan kesan sektor utama	√					√			**
Faktor perubahan									**
Kesan perubahan		√							
Hasil kerajaan		√			√	√	√	√	Xx
Perbelanjaan kerajaan			√		√		√	√	
Tujuan belanjawan			√		√			√	
Hutang negara		√		√		√	√	√	

1. Bezakan sektor utama dengan sektor kedua (4)

Sektor utama	Sektor kedua
Contohnya pertanian	Contohnya perkilangan
Tiada pemprosesan	Ada aktiviti pemprosesan

(proses, contoh)

Jangan confuse antara masalah ,
kesan atau faktor

Struktur ekonomi Malaysia pada masa kini tertumpu kepada sektor kedua dan ketiga berbanding pada awal kemerdekaan.

2. Terangkan mana-mana tiga faktor yang mendorong perubahan struktur ekonomi seperti dalam perayataan di atas (6m)

Faktor yang menyebabkan perubahan di atas ialah

- Langkah mempelbagaikan ekonomi. Kerajaan mempelbagaikan ekonomi dengan memberi tumpuan kepada sektor kedua dan ketiga. (2m)
- Kehausan sumber asli negara. Sumber seperti bijih timah semakin pupus dan tidak boleh diperbahui. (2m)
- Galakan industri penggantian import. Kerajaan telah menggalakkan industri penggantian import dan ini telah membantu perkembangan dalam sektor kedua dan ketiga. (2m)
- Peningkatan dalam pendapatan negara. Sektor kedua menggunakan teknologi terkini dan daya pengeluarannya tinggi. Ini akan meningkatkan keluaran negara (2m)
- Meningkatkan taraf hidup. Sektor kedua menyerap lebih ramai tenaga buruh. Ini menyebabkan pendapatan masyarakat meningkat dan taraf hidup penduduk turut meningkat (2m)

3. Terangkan kesan pergantungan ekonomi negara kepada sektor utama dari segi gunatenaga (6m)

Kesan pergantungan ekonomi negara ke atas guna tenaga ialah

- Pelaburan berkurangan. Pelaburan dalam sektor utama berkurangan kerana pendapatan sektor utama tidak stabil. Ini akan menyebabkan kehilangan peluang pekerjaan dan kadar pengangguran di sektor utama meningkat (3m)
- Penghijrahan penduduk desa. Kekurangan peluang pekerjaan dalam sektor utama menyebabkan penduduk desa berhijrah ke bandar. Ini kerana aktiviti perkilangan dan perkhidmatan tertumpu di bandar (3m)

Encik Vincent, apa pandangan tuan tentang tindakan kerajaan mendapatkan pinjaman dari dalam negara untuk membiayai projek lebuhraya bernilai RM10 bilion? Saya rasa ada banyak bank negara asing yang sanggup membiayai projek tersebut.

Cik Salwa
(wartawan Berita KL)

Saya setuju dengan tindakan kerajaan tersebut. Lebih baik jika kita membiayai projek itu dengan menggunakan sumber pinjaman dalam negara.

Encik Vincent
(pensyarah ekonomi)

Adakah anda bersetuju?

Mesti ada pendirian

Setuju/ ya

Tidak setuju / tidak

Dan berikan alasan

4. Adakah anda setuju dengan pandangan Encik Vincent?

Berikan alasan anda. (9m)

Saya bersetuju. Antara kelebihan pinjaman dari sumber dalam negeri ialah Pinjaman dalam negeri dikenakan kadar faedah yang rendah berbanding dengan pinjaman luar negara. Pinjaman dalam negara juga dikenakan syarat yang fleksibel manakala pinjaman luar negara dikenakan syarat yang ketat. Pinjaman dalam negara tidak melibatkan risiko kenaikan kadar pertukaran asing manakala pinjaman luar negara melibatkan risiko kenaikan kadar pertukaran asing. Pinjaman dalam negara tidak melibatkan aliran keluar wang manakala pinjaman luar negara melibatkan aliran keluar mata wang



5.

- a. Nyatakan sektor yang ditunjukkan oleh rajah di atas.
- b. Nyatakan tiga masalah yang mungkin dihadapi oleh sebuah negara yang bergantung kepada sektor di atas.
 - a. Sektor utama/ pertanian
 - b. Peluang pekerjaan terhad, merugikan imbalan dagangan, harga komoditi tidak stabil



6. a. Nyatakan sector ekonomi untuk aktiviti di atas. (1m)
- b. Berikan dua ciri sector ekonomi tersebut (2)
- c. Nyatakan **tiga sumbangan** sector ekonomi tersebut kepada ekonomi Malaysia (3)
 - a. Sektor utama/ sektor pertanian
 - b. Tiada pemprosesan, menghasilkan bahan mentah
 - c. Peluang pekerjaan, sumber bahan mentah, sumber makanan, kurangkan import

7. Baru-baru ini kerajaan telah **menurunkan kadar cukai pendapatan** individu. Terangkan **kesannya** ke atas ekonomi negara. (5m)

Kesannya ke atas ekonomi negara ialah

A pendapatan boleh guna individu akan meningkat

b. kuasa beli meningkat

c. Permintaan terhadap barang dan perkhidmatan meningkat

d. Pengeluaran barang dan perkhidmatan meningkat

e. Peluang pekerjaan meningkat

Sektor ekonomi	RM Juta	
Pertanian, perhutanan dan perikanan	12,400	U
Perlombongan dan kuari	8,500	U
Perkilangan	30,400	2
Elektrik, gas dan air	3,450	3
Pembinaan	4,670	2
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	7,100	3
Perdagangan borong, hotel dan restoren	14,240	3
Kewangan ,insurans dan hartanah	4,750	3
Perkhidmatan kerajaan	11,800	3
Perkhidmatan lain	900	3


8. Berdasarkan jadual di atas, hitungkan nilai keluaran mengikut sektor utama, sektor kedua dan sektor ketiga (9m)

Sektor utama: RM20 900 juta (jika ditanya **sumbangan** $20900/98210 \times 100 = 21.28 \%$)

Sektor kedua: RM35 070 juta

Sektor ketiga: RM42 240 juta

Bajet Kerajaan Persekutuan 2013



a. Hitungkan jumlah perbelanjaan pembangunan : RM47686.4 juta

b. Apakah jenis belanjawan negara pada tahun berkenaan? kurang

c. Berapakah nilai lebihan/ kurang dalam belanjawan? RM47187.06 juta

9. Baru-baru ini , kerajaan telah **menaikkan subsidi** untuk industri kasut tempatan. **Jelaskan kesannya ke atas industri kasut tempatan**

- kos pengeluaran menurun
- harga kasut turun
- permintaan kasut meingkat
- keuntungan pengeluar meningkat

Kesan subsidi mesti kaitkan dengan

- Kos
- Harga
- Permintaan
- Untung
- Pengeluaran
- Pelaburan
- Peluang pekerjaan

Cukai pendapatan syarikat	32750
Duti eksport	2350
Cukai pendapatan petroleum	35450
Cukai eksais	4400
Cukai jualan	1200
Cukai tanah	400
Duti setem	300
Cukai perkhidmatan	300

Hasil cukai kerajaan (RM juta)

10. Berdasarkan jadual di atas, hitungkan

a. cukai langsung (5m)

Cukai pendapatan syarikat	32750
Cukai pendapatan petroleum	35450
Cukai tanah	400
Duti setem	<u>300</u>

Jumlah RM68 900 juta

b. cukai tidak langsung (5m)

Duti eksport	2350
Cukai eksais	4400
Cukai jualan	1200
Cukai perkhidmatan	<u>300</u>

Jumlah RM8250 juta

11. Nyatakan tiga contoh **hasil bukan cukai** (3m)

Royalti, bayaran lesen dan sewa harta kerajaan

Sekuriti kerajaan

Bil perbendaharaan

12. Bezakan dua jenis pinjaman dalam negeri di atas (4m)

Sekuriti kerajaan	Bil perbendaharaan
Pinjaman jangka panjang	Pinjaman jangka pendek
Dibayar faedah	Dibaya nilai muka

Bab 3: Hubungan Ekonomi Antarabangsa

Subtopik	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Perdagangan antarabangsa		√	√	√		√	√	√	**
Imbangan perdagangan dan pembayaran	√	√	√	√		√	√		**
Pertukaran asing						√		√	**
KPA		√	√	√	√	√			
Kesan perubahan KPA	√		√				√	√	
Kesan perubahan eksport dan import				√		√			**

Syarikat buku Dinamik merupakan pengeluar buku cerita kanak-kanak di Malaysia. Buku keluaran syarikat ini di pasaran di seluruh negara dan juga beberapa negara lain seperti Brunei, Singapura dan Australia.

1. a. Nyatakan **jenis aktiviti perdagangan** yang dijalankan oleh syarikat buku Dinamik. (2m)
b. Terangkan **dua persamaan** dan **dua perbezaan** antara kedua-dua jenis aktiviti perdagangan yang diayatakan dalam bahagian a (8m)

- a. Perdagangan dalam negeri dan perdagangan antarabangsa.
b. Dua persamaan antara kedua aktiviti perdagangan tersebut ialah
kedua-duanya bermotifkan keuntungan iaitu mengeluarkan barang dengan kos yang rendah dan jual semula dengan harga yang lebih tinggi.
Kedua-duanya meningkatkan taraf hidup iaitu menyediakan pelbagai pilihan barang kepada pengguna

Perdagangan dalam negeri	Perdagangan antarabangsa
Menggunakan matawang yang sama	Menggunakan matawang yang berbeza.
Jarak dekat dan kos pengangkutan rendah	Jarak jauh dan kos pengangkutan tinggi

2. Terangkan kesan peristiwa berikut ke atas kadar pertukaran ringgit Malaysia

- i. Malaysia mengeksport 1 000 tan kayu balak ke Jepun (3m)
ii. Malaysia melancarkan Kempen Belilah Barang Buatan Malaysia (3m)

- i. Permintaan ringgit meningkat. Penawaran ringgit tidak berubah. Berlaku lebih permintaan ringgit. kadar pertukaran ringgit Malaysia akan meningkat.
ii. Penawaran ringgit Malaysia menurun. Permintaan ringgit tidak berubah. Berlaku lebih permintaan ringgit. Kadar pertukaran ringgit akan meningkat.

3. **Bandinkan tarif dengan kuota (4m)**

Persamaannya – kedua-duanya merupakan sekatan perdagangan dan kedua-duanya mengurangkan import Perbezaannya

Tarif ialah cukai ke atas barang import manakala kuota ialah sekatan ke atas kuantiti barang yang boleh diimport. Tarif membawa hasil kepada kerajaan manakala kuota tidak membawa hasil kepada kerajaan

Kami amat berharap kerajaan akan memberi **subsidi** untuk pengeluar perabot tempatan

Terima kasih atas cadangan ini. Saya akan memaklumkan cadangan persatuan tuan kepada pihak Kementerian kewangan

Wakil persatuan pengeluar Perabot Malaysia

Wakil Kementerian Kewangan

4. Nyatakan kesan kepada industri perabot tempatan jika cadangan tersebut diterima oleh pihak kerajaan. (5m)

- Pengeluar perabot menanggung kos yang rendah
- Harga perabot tempatan secara relatif lebih murah
- Permintaan perabot tempatan akan meningkat
- Pengeluaran perabot tempatan akan meningkat
- Keuntungan pengeluar akan meningkat
- Pelaburan firma dalam industri perabot tempatan akan meningkat
- Banyak peluang pekerjaan

Mata wang asing	Tahun	
	2011	2012
Dolar Singapura	0.43	0.41
Pound Sterling	0.15	0.18

Jadual di atas menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing bagi setiap ringgit Malaysia berbanding Dolar Singapura dan Pound Sterling pada tahun 2011 dan 2012.

5. a. Tentukan kadar pertukaran antara dolar Singapura dengan Pound Sterling pada tahun 2012 (2m)
b. Terangkan **kesan** ke atas imbalan dagangan Malaysia akibat perubahan kadar pertukaran asing pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 (8m)
Eksport – (harga, pm, jumlah) Import (harga, pm, jumlah) Imbalan dagangan

Nilai ringgit jatuh (dapat sedikit @ bayar lebih)

Contoh:

USD1 = RM2.50 kepada USD1 = RM2.80

RM1 = USD0.45 kepada RM1 = USD0.40

RM1 = 10 baht kepada RM1=8 baht

Nilai ringgit naik (dapat lebih @ bayar sedikit)

a. S\$1 = £0.44

b. Nilai Ringgit Malaysia telah menurun berbanding dengan dolar Singapura.

Ini menyebabkan harga eksport Malaysia di Singapura menurun dan jumlah eksport Malaysia ke Singapura meningkat. Jumlah import dari Singapura akan menurun kerana harganya meningkat. Imbalan dagangan Malaysia menjadi positif kerana jumlah nilai eksport lebih daripada jumlah nilai import.

Nilai Ringgit Malaysia telah meningkat berbanding dengan pound Sterling.

Ini menyebabkan harga eksport Malaysia di Britain meningkat dan jumlah eksport Malaysia ke Britain menurun. Jumlah import dari Britain akan meningkat kerana harganya menurun. Imbalan dagangan Malaysia menjadi negatif kerana jumlah nilai import lebih daripada jumlah nilai eksport.

6. **Kenalpasti** matawang yang diperlukan untuk setiap urusan perdagangan antarabangsa di bawah

- | | |
|--|----------|
| i. Jepun mengimport perabot dari Malaysia | (RM) |
| ii. Iran memesan lebih banyak minyak sawit dari Malaysia | (RM) |
| iii. Keluarga Firdaus melancong ke Thailand | (Baht) |
| iv. Syarikat Setia mengimport 1000 tan kayu balak dari Indonesia | (Rupiah) |

7. **Kenalpasti** jenis sekatan berikut

Pernyataan	Jenis sekatan
Kereta import dikenakan cukai import sebanyak 60%	Tarif
Pengeksport perabot kayu Malaysia menerima bantuan kerajaan untuk pembelian jentera sebanyak RM5 juta	Subsidi eksport
Pengimport Malaysia dibenarkan memiliki matawang asing maksimum sebanyak RM1 juta	Kawalan tukaran asing
Larangan import bahan kimia beracun	Embargo
Permit import kereta dibekukan	Sekatan bukan ekonomi
Pada tahun 2012, jumlah import kereta yang dibenarkan oleh kerajaan ialah sebanyak 1000 unit	kuota

Kajian kes 1

Syarikat Maju ditubuhkan pada 1989 dan merupakan penerbit novel kanak-kanak dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Kebanyakan buku terbitan syarikat ini dijual di pasaran tempatan. Walaupun tindakan kerajaan seperti kempen galakan membaca dan kenaikan jumlah pelepasan cukai untuk pembelian buku memberi kesan positif kepada jualan buku syarikat ini, pihak pengurusan khawatir tentang peningkatan kos pengeluaran buku seperti kenaikan harga kertas. Di samping itu syarikat ini juga menghadapi persaingan daripada kemasukan buku import khususnya dari negara China yang berharga murah.

Baru-baru ini, syarikat Maju telah mendapat kontrak untuk menerbitkan buku teks sekolah rendah dan kemudahan kilang yang sedia ada sukar untuk menampung pengeluaran buku teks. Lembaga pengarah syarikat ini meneliti dua cadangan pengurus pengeluaran untuk mengatasi masalah ini.

Cadangan 1 Membeli mesin baru	Cadangan 2 Menambahkan bilangan pekerja
Kos pengeluaran meningkat sebanyak RM500 000 dan peningkatan pengeluaran buku dari 100 000 kepada 300 000 sebulan	Kos pengeluaran meningkat sebanyak RM100 000 dan peningkatan pengeluaran buku dari 100 000 kepada 150 000 sebulan

Pihak pengurusan memilih cadangan pertama dan membuat pinjaman sebanyak RM5 juta daripada Bank perdagangan untuk membeli mesin baru. Syarikat Makmur telah mencagarkan tanah milik syarikat ini di Sungai Buloh untuk mendapatkan pinjaman tersebut. Pihak pengurusan syarikat ini berharap dengan adanya mesin baru, pengeluaran buku teks akan berjalan lancar dan mampu membekalkan buku teks mengikut jadual.

Berdasarkan kajian kes di atas, jawab soalan berikut:

- Terangkan kesan peristiwa berikut ke atas pasaran buku tempatan
 - kerajaan melancarkan kempen membaca buku (3m)
 - peningkatan kos pengeluaran buku (3m)
 - Permintaan buku meningkat manakala penawaran buku tidak berubah. Wujud lebih permintaan menyebabkan harga buku meningkat.**
 - Penawaran buku menurun manakala permintaan buku tidak berubah. Wujud lebih permintaan menyebabkan harga buku meningkat.**
- Nyatakan dan terangkan dua langkah kerajaan untuk mengurangkan kemasukan buku dari negara China. (4m)
Mengenakan tarif iaitu cukai ke atas buku import.
Memberi subsidi kepada pengeluar yang boleh mengurangkan kos dan seterusnya pengeluar mampu jual dengan harga yang rendah.
 - Kenalpasti jenis kos yang dihadapi oleh syarikat Makmur untuk setiap cadangan berkenaan. (2m)
 - Berikan dua ciri untuk setiap kos tersebut. (4m)
 - Hitungkan kos sut untuk setiap cadangan tersebut. (2m)
 - Beli mesin baru ialah kos tetap dan mengambil pekerja ialah kos berubah**
 - Kos tetap perlu ditanggung walaupun tiada output dikeluarkan, ia tidak berubah ikut bilangan output. Kos berubah tidak perlu ditanggung jika tiada output dikeluarkan dan ia berubah ikut bilangan output.**
 - Kos sut apabila beli mesin RM500 000/ 200 000 = RM2.5**
Kos sut apabila tambah bilangan pekerja RM100 000/ 50 000 = RM2
- Nyatakan jenis pinjaman yang dimohon oleh syarikat Maju. (1m)
 - Terangkan tiga tujuan syarikat itu membuat pinjaman tersebut (6m)
 - Pinjaman bercagar**
 - Meningkatkan daya pengeluaran. Penggunaan mesin yang dibiayai melalui pinjaman akan menyebabkan daya pengeluaran meningkat.**

Menambahkan modal perniagaan. Syarikat itu memerlukan modal tambahan untuk memperbesar perniagaannya.
Mengurangkan bayaran cukai. Faedah yang dikenakan ke atas pinjaman boleh mengurangkan untung bersih syarikat dan seterusnya cukai pendapatan yang perlu dibayar juga akan berkurangan.

Kajian kes 2

Maklumat di bawah berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan tiga orang individu.

Encik Anuar bekerja sebagai pegawai bank dan menerima pendapatan bulanan sebanyak RM4 500. Isterinya merupakan pemilik Tadika PTK dan menerima pendapatan sebanyak RM3 500 sebulan. Perbelanjaan bulanan keluarga Encik Anuar ialah RM 8 500. baru-baru ini Encik Anuar telah memohon pinjaman peribadi sebanyak RM15000 dari Bank Simpanan Nasional untuk menampung perbelanjaannya.	Encik Wong merupakan pemilik kedai kek Tamania dan menerima pendapatan bulanan sebanyak RM5 000. Perbelanjaan bulanan ialah RM 4 500. Encik Wong menyediakan belanjawan peribadi setiap bulan dan berbelanja ikut perancangannya.	Encik Kumar merupakan seorang pengusaha pusat tuisyen dan menerima pendapatan bersih sebanyak RM50 000 setahun. Isterinya tidak bekerja dan beliau mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah. Beliau telah membelanjakan RM2 000 untuk rawatan ibunya dan membeli buku dan majalah bernilai RM400 setahun. Bayaran premium insurans nyawa pada tahun berkenaan ialah RM4 000 Perbelanjaan keluarga Encik Kumar pada tahun berkenaan ialah RM 45 000
---	---	---

Pelepasan cukai yang dibenarkan
Pelepasan diri RM8 000
Pelepasan isteri RM3 000
Pelepasan anak di bawah tanggungan RM800 seorang
Pelepasan Caruman KWSP dan insurans nyawa sehingga RM 5 000
Pelepasan rawatan ibu bapa sehingga RM5 000
Pelepasan belian buku dan majalah sehingga RM500
Kadar cukai pendapatan
RM2 500 pertama 0%
RM2 500 berikut 1%
RM5 000 berikut 3%
RM15 000 berikut 5%
RM15 000 berikut 8%

Berdasarkan kajian kes di atas, jawab soalan berikut.

a. Individu manakah tidak membelanjakan pendapatannya dengan bijak dan berikan alasan anda (4m)

Encik Anuar kerana perbelanjaan melebihi pendapatan sebanyak RM500.

b. i. kenalpasti jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Anuar dan Encik Wong. (2m)

ii. Berikan dua perbezaan antara dua jenis pendapatan tersebut. (4m)

i. Encik Anuar menerima upah dan Encik Wong menerima untung.

ii. Upah ialah ganjaran kepada buruh manakala untung ialah ganjaran kepada usahawan.

Upah diterima kerana menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran manakala untung diterima kerana menggabungkan faktor pengeluaran.

c. Kirakan cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Kumar. (9m)

Pendapatan tahunan RM 50 000

**Pelepasan cukai: RM8000+RM3000+ RM2000+RM400+RM4000+RM4000
: RM21 400**

Pendapatan boleh cukai: RM50 000- RM21 400= RM28600

Cukai pendapatan:

**(RM2500X0%)+ (RM2500x1%)+ (RM5000x3%)+ (RM15000x5%)+ (RM3600x8%)
=RM1213**

d. Berikan tiga kebaikan yang dinikmati oleh Encik Wong kerana menyediakan belanjawan peribadi (6m)

Tiga kebaikan ialah

- Mendahulukan perkara penting seperti makanan dan sewa rumah serta tangguhkan perbelanjaan kurang penting.
- Membolehkan individu menabung untuk menghadapi waktu kecemasan seperti kemalangan
- Mengelakkan masalah hutang iaitu berbelanja melebihi pendapatan

